

23 OCT 2002

MAHATHIR-SEKRETARIAT/I

MALAYSIA MUNGKIN TUBUH SEKRETARIAT PERJELAS DINAR EMAS

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Malaysia akan menimbang untuk menubuhkan sekretariat bagi menjelaskan konsep menggunakan dinar emas untuk pembayaran perdagangan antarabangsa, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

"Saya akan memaklumkan kepada Kabinet dan sekiranya (mereka) bersetuju, kami akan meminta Bank Negara Malaysia menubuhkan sekretariat," kata Perdana Menteri kepada sidang media selepas majlis penutup seminar antarabangsa mengenai "Dinar Emas dalam Perdagangan Pelbagai hala" di sini.

Gagasan penubuhan sekretariat itu terdahulu telah diusulkan oleh seorang peserta Iran di seminar dua hari yang dianjurkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Dr Mahathir berkata gagasan menggunakan dinar emas itu kini berada di tahap penjelasan konsep dan perbincangan masalah berkaitan cadangan pelaksanaannya.

Beliau berkata negara-negara yang merancang menggunakan dinar emas mungkin perlu meminda undang-undang mereka serta memastikan ianya sejajar dengan rejim kewangan antarabangsa sedia ada.

Semasa menjawab pertanyaan para peserta selepas menyampaikan ucapan penutup seminar berkenaan, Dr Mahathir berkata ramai orang berminat dalam dinar emas tetapi mereka menjangka terdapat halangan.

"Ia merupakan satu gagasan yang baik (untuk mempunyai sekretariat) kerana ke mana sahaja saya pergi sekarang, saya ditanya soalan yang sama mengenai apa sebenarnya dinar emas. Adalah tidak mungkin bagi saya menjelaskan dengan terperinci mengenai bagaimana ia akan digunakan dan apa sebenarnya," kata beliau.

"Jadi jika kita mempunyai sekretariat, sekretariat itu boleh berhubung dengan bank pusat di negara-negara lain," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata sekretariat berkenaan bukan hanya menyediakan buku kecil yang mengandungi maklumat dinar emas tetapi juga menghantar seseorang ke luar negara untuk menjelaskan konsep dan untuk mengkaji undang-undang di negara lain bagi melihat sama ada undang-undang negara itu boleh dibuat sejajar dengan penggunaan dinar emas.

Semasa ditanya kenapa Malaysia masih tidak dapat mencari rakan untuk melaksanakan dinar emas, beliau berkata cadangan itu perlu dikendalikan dengan penuh kesabaran, sambil menjelaskan bahawa Malaysia telah bercakap mengenainya lebih setahun.

Dr Mahathir berkata buat masa ini, Malaysia dan negara-negara Islam yang lain telah menjadi menandatangani perjanjian antarabangsa dan mereka mungkin melanggar perjanjian tersebut jika ia didesak dengan penggunaan dinar emas.

Beliau berkata Malaysia dan bakal rakannya perlu meminda undang-undang dan meyakinkan masyarakat antarabangsa bahawa dinar emas merupakan mata wang dan bukan satu standard emas.

Dibangkitkan pada seminar hari ini bahawa terdapat sekatan sedia ada oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengenai penggunaan emas sebagai medium pembayaran dan dengan itu cadangan dinar emas mungkin melanggar peraturan (IMF) itu.

"Ia (dinar emas) ialah dalam bentuk mata wang asing sama seperti dolar Amerika sebagai mata wang asing. Kita sepatutnya dibenar menggunakan dinar emas itu tanpa dituduh melanggar undang-undang dan amalan antarabangsa," katanya.

"Ia hanya satu lagi mata wang. Kita boleh berdagang sekarang dalam dolar Amerika tetapi jika kita suka kita juga boleh berdagang dalam yen atau euro. Sekiranya kita berdagang dalam euro, ia tidak bermakna kita menentang dolar Amerika," katanya.

"Ia hanya merupakan pilihan. Sekarang kita mempunyai dinar emas, ia hanya satu alternatif," kata beliau.

Beliau berkata sesetengah negara Islam mungkin "tidak sebebaskan yang mereka mahu" untuk melaksanakan konsep dinar emas.

Ini kerana mereka terikat dengan obligasi beberapa negara dari mana mereka meminjam wang yang banyak ataupun mendapat bantuan, kata Dr Mahathir.

Tetapi beliau berkata daripada lebih 50 negara Islam, tidak banyak yang terikat pada obligasi dengan sesiapa dan kukuh secara ekonominya.

Pada masa ini, negara-negara ini mengurus niaga menggunakan dolar Amerika, kata Dr Mahathir.

Beliau berkata Malaysia akan cuba mengenal pasti negara-negara yang tiada ataupun menghadapi masalah yang minima untuk melaksanakan dinar emas dan bekerjasama dengan mereka untuk mengembangkan lagi penggunaannya.

"Pada masa ini, saya tidak boleh menyebut nama negara berkenaan tetapi kita tahu negara yang ada mudah tunai yang banyak, tidak berhutang kepada sesiapa dan mempunyai sumber," kata beliau.

Dr Mahathir menambah jika boleh teruskan usaha ini, beliau mahu dinar emas itu dilaksanakan.

Mengenai cadangan supaya dibenarkan orang ramai menggunakan dinar emas, beliau bersetuju yang orang ramai sememangnya berminat untuk menggunakan dinar sebagai mata wang.

Tetapi menggunakan dinar emas untuk urus niaga harian akan menimbulkan masalah, terutamanya jika urus niaga itu melibatkan jumlah yang besar memandangkan syiling dinar emas adalah besar, kata beliau.

Memandangkan adalah sukar untuk menggunakan dinar emas dalam urus niaga harian, adalah lebih elok menggunakan mata wang tempatan yang mempunyai kadar pertukaran yang lebih sesuai berbanding dengan dinar emas, tambah beliau.

"Tetapi kita tidak boleh menghalang orang ramai daripada mengumpul dinar kerana ia adalah emas. Mereka boleh menyimpannya sebagaimana kita (sekarang ini) boleh menyimpan dolar Amerika. Kita tidak boleh menahan seseorang itu kerana mempunyai dolar Amerika dalam poket mereka," tambah beliau.

Beliau berkata memandangkan ia adalah emas, dinar emas itu tidak akan turun nilai.

"Jika kita mempunyai emas, emas itu meningkat dalam bentuk nilai. Sudah tentu pada masa-masanya ia menyusut tetapi selalunya nilainya akan meningkat," tambah beliau.

Menyentuh mengenai wang kertas dinar, beliau berkata banyak negara menggunakan dinar sebagai mata wang tetapi mata wang kertas tiada nilainya.

"Saya mempunyai 500 bilion dinar dalam poket saya. Ia dikeluarkan 15 tahun dahulu oleh sebuah negara yang selalunya kita tidak kaitkan dengan dinar iaitu Yugoslavia. Yugoslavia menggunakan dinar dan pada satu masa, nilai dinar Yugoslavia amat rendah sehinggakan mereka terpaksa mencetak wang kertas 500 bilion dinar, dan pada masa ia dikeluarkan, nilainya ialah 12 sen Amerika.

"Hari ini, nilainya sifar. Saya bawa dalam poket saya kerana saya mahu menunjukkan mata wang kertas tidak mempunyai nilai. Anda boleh cetak apa-apa nombor sahaja," kata Perdana Menteri. -- BERNAMA

MSL MKO FR AA JR